

SUKAN UNIVERSITI ASEAN 2018

Shanti menang larian pecut 100m dan 200m, layak sertai Sukan SEA Filipina

RATU lumba pecut negara Shanti Pereira berjaya 'melupakan' kecederaannya untuk meraih kemenangan dalam acara 100 dan 200 meter berganda di Sukan Universiti Asean (AUG) di Myanmar.

Juara 200 meter Sukan SEA 2015 itu bergelar juara bagi acara 100 meter Ahad lalu selepas mencatatkan masa 11.74 saat di Stadium Wunna Theikdi di Naypyitaw.

Dengan pencapaiannya itu, pelajar Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dalam jurusan perakaunan itu berjaya melayakkan diri ke edisi Sukan SEA di Filipina tahun depan. Beliau turut mengatasi masa yang dicatatkannya semasa meraih pingat gangsa di Sukan SEA 2017, iaitu 11.76 saat.

Jumaat lalu, Pereira turut menguasai acara 200 meter dengan mencatatkan masa 24.12 saat, iaitu separuh saat di belakang masa yang dicatatkannya semasa mendapat pingat gangsa di Sukan SEA 2017, iaitu 23.68 saat.


Beliau juga telah menyertai acara lari berganti-ganti 4x100 meter dan mendapat tempat keempat.

Atlit berusia 22 tahun itu berkata beliau gembira dengan pencapaiannya kali ini selepas terpaksa berhenti berlumba buat seketika selepas mengalami kecederaan *hamstring* semasa Kejohanan Terbuka Balapan April lalu dan juga kerana kecederaan yang kembali menyerang.

Dengan persediaan yang tidak cukup, beliau gagal dalam pusingan kelayakan selepas mencatatkan masa 12.01 saat.

Beliau kemudian mendapat tempat ke-12 dalam peringkat separuh akhir 200 meter dengan masa 24.33 saat.

Memberitahu akhbar *The Straits Times* melalui panggilan telefon, Pereira berkata: "Saya tidak menyertai banyak pertandingan tahun ini kerana



LARIAN RATU PECUT: Shanti Pereira (*nombor 111*) yang meraih pingat emas dalam acara larian pecut 200 meter semasa Sukan SEA 2015 telah memenangi acara 100 meter Ahad lalu dengan catatan masa 11.74 saat di Stadium Wunna Theikdi di Naypyitaw. – Foto MAJLIS SUKAN UNIVERSITI SINGAPURA

kecederaan yang saya alami, untuk itu saya amat gembira dengan persembahan kali ini, terutama sekali dalam pusingan kelayakan bagi acara 100 meter untuk Sukan SEA, kerana itu merupakan sasaran saya.

"Saya telah pulih sepenuhnya sebelum Sukan Asia, tetapi tidak mempunyai masa yang cukup untuk membuat persediaan.

"Tetapi untuk AUG, saya telah mula bersedia dua minggu selepas Sukan Asia dan saya gembira dapat kembali dan menunjukkan prestasi yang sama seperti sebelumnya, apabila saya belum mengalami kecederaan ini.

"Saya masih perlu memperbaiki ketangkasan untuk acara 200 meter dan saya akan cuba melayakkan diri untuk acara Terbuka Singapura Mac tahun depan, tetapi saya amat teruja memikirkan apa yang dapat saya lakukan di masa hadapan."

Jurulatihnya, Margaret Oh berkata

anak buahnya itu mampu memperbaiki prestasinya pada Sukan SEA tahun lalu, di mana beliau mendapat dua pingat gangsa.

Ini kerana beliau berjaya menewaskan atlit Malaysia, Zaidatul Husniah Zulkifli, yang memenangi dua pingat perak semasa Sukan SEA tahun lalu, di AUG yang diadakan di ibu kota Myanmar baru-baru ini.

Tambahnya: "Saya rasa Shanti sudah mendapatkan semula apa yang beliau hilang sejak kecederaannya itu, dan beliau juga kelihatan lebih yakin berlari.

"Matlamat kami adalah untuk ke Kyoto, Jepun, pertengahan tahun depan untuk berlatih dan bersaing dengan pelari universiti Asia yang berada di peringkatnya.

"Kami harap beliau dapat memperbaiki keputusan yang diraihnya pada 2017 dengan bantuan kepakaran Sport Singapore dalam biomekanik serta latihan kekuatan yang telah dilaluinya beberapa bulan sebelum ini."